



جابتن كحاكيمان شرعية مليسيا

**KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE**  
**Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia**  
**Department Of Syariah Judiciary Malaysia**  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : [naim1@esyariah.gov.my](mailto:naim1@esyariah.gov.my)

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 ( 53 )  
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H  
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

### ARAHAN AMALAN NO. 12 TAHUN 2019

**Pindaan Kod Pendaftaran Kes Mal Dan Jenayah Untuk Sistem E-Syariah Versi Tiga (3) Bagi Kod Dewan, Kod Kes, Kod Status Kes, Kes Sulh, Kes Bahagian Sokongan Keluarga, Kod Kes Naziran, Kod Kes Semakan Dan Kod Pendaftaran Rayuan Di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabi'ul Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Pindaan Kod Pendaftaran Kes Mal Dan Jenayah Untuk Sistem E-Syariah Versi Tiga (3) Bagi Kod Dewan, Kod Kes, Kod Status Kes, Kes Sulh, Kes Bahagian Sokongan Keluarga, Kod Kes Naziran, Kes Semakan Dan Kod Pendaftaran Rayuan Di JKSM adalah seperti di lampiran.

2. Arahan Amalan No. 1 Tahun 2000, Arahan Amalan No. 7 Tahun 2007, Arahan Amalan No. 3 Tahun 2013, Arahan Amalan No. 1 Tahun 2015, Arahan Amalan No. 1 Tahun 2016 dan Arahan Amalan No. 12 Tahun 2018 dibatalkan mulai

.....  
Arahan Amalan ini berkuat kuasa .....

**(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)**  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
PUTRAJAYA

**GARIS PANDUAN**  
**PENGGUNAAN KOD KES UNTUK E-SYARIAH**  
**VERSI 3**

2020



# PANDUAN PENGUNAAN KOD KES UNTUK E-SYARIAH VERSI III

Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia



1.0	Pendahuluan	77
2.0	Tujuan	78
3.0	Skop	78
4.0	Tafsiran	78
5.0	Ciri-Ciri Sistem Kod Sedia Ada (E-Syariah Versi 2)	81
6.0	Ciri-Ciri Sistem Kod Baharu (E-Syariah Versi 3)	82
7.0	Carta Perbandingan Sistem Pernomboran Sedia Ada Dengan Kod Baharu	83
8.0	Panduan Penggunaan Kod Kes	84
8.1	Pendaftaran Fail Fungsian Kes Mal Dan Kes Jenayah	84
9.0	Panduan Penggunaan Kod Status Kes	86
9.1	Kod Status Kes Mal	87
9.2	Kod Status Kes Jenayah	88
9.3	Kod Status Kes Rayuan	89
9.4	Kod Status Kes Semakan	90
9.5	Kod Status Kes Sulh	92
9.6	Kod Status Kes Bahagian Sokongan Keluarga	93
10.0	Kod Kes Naziran	94
11.0	Kod Kes Pendaftaran Rayuan	95
12.0	Kod Dewan Mahkamah Syariah	97
13.0	Jadual Perbandingan Kod Kes Sedia Ada Dengan Kod Kes Baharu	97
14.0	Rujukan	98
15.0	Penutup	98

## SENARAI LAMPIRAN

• Lampiran 1	
Klasifikasi Kod Kes Mal	99
• Lampiran 2	
Klasifikasi Kod Kes Jenayah	105
• Lampiran 3	
Klasifikasi Kod Status Kes Mal	110
• Lampiran 4	
Klasifikasi Kod Status Kes Jenayah	112
• Lampiran 5	
Kod Kes Rayuan Bagi Kes Mal & Jenayah	114
• Lampiran 6	
Kod Kes Semakan Bagi Kes Mal & Jenayah	115
• Lampiran 7	
Klasifikasi Kod Sulh	116
• Lampiran 8	
Klasifikasi Kod Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)	117
• Lampiran 9	
Kod Kes Naziran (JKSM)	119
• Lampiran 10	
Klasifikasi Kod Pendaftaran Kes Rayuan (JKSM)	120
• Lampiran 11	
Kod Dewan Mahkamah	121
• Lampiran 12	
Jadual Perbandingan (Mapping) Kod Kes Sedia Ada Dengan Kod Kes Baharu – Kes Mal	136
• Lampiran 13	
Jadual Perbandingan (Mapping) Kod Kes Sedia Ada Dengan Kod Kes Baharu – Kes Jenayah	156

## 1.0 PENDAHULUAN

Sistem kod kes berfungsi membantu pengawalan pewujudan rekod yang mana dapat digunakan sebagai bahan bukti yang sah kerana dapat menunjukkan kandungan, struktur dan konteks pewujudan terutama dalam persediaan kepada persekitaran elektronik.

Semasa pewujudan kod kes pada tahun 2000, kod kes Mal (099) & Jenayah (299) diwujudkan sebagai fungsi pelbagai. Hal ini menyebabkan banyak tajuk kes-kes baharu dimasukkan di bawah kod 099 & 299 tersebut. Oleh yang demikian, adalah perlu untuk menyemak semula kod kes sedia ada supaya pertambahan tajuk kes-kes baharu dapat diselaraskan di dalam fungsi yang sepatutnya.

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyenggaraan Kod Kes Bil. 2/2017 yang bersidang pada 23 Oktober 2017, satu jawatankuasa kajian semula kod kes Rayuan, Mal, Jenayah, Sulh dan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) akan diwujudkan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengkaji semula sistem klasifikasi bagi kod kes yang telah diwujudkan sejak tahun 2000. Ia juga berperanan memastikan keutuhan sistem klasifikasi bagi fail-fail kes di JKSN/MSN di seluruh Malaysia.

Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semua Kod Kes Bil.1/2018 yang bersidang pada 30 Oktober 2018 telah bersetuju dengan kaedah penetapan semula kod kes E-Syariah yang **menepati struktur hireaki klasifikasi fail Arkib Negara Malaysia** yang mengandungi Fungsi/Aktiviti/Sub-aktiviti dan Transaksi dan **menghapuskan penggunaan kod kes transit 099 & 299**.

Selain daripada itu, kod kes Mal dan Jenayah sedia ada tidak dipecahkan mengikut fungsi, aktiviti dan transaksi menyebabkan ia menjadi punca penggunaan kod 099 & 299 secara berleluasa. Kod kes Sulh dan kod kes Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) yang sedia ada juga perlu dikaji semula untuk disesuaikan dengan persekitaran sistem E-Syariah versi baharu. Tambahan pula, dua kod baharu diwujudkan iaitu kod naziran dan kod pendaftaran kes rayuan bagi memastikan pengurusan rekod di Mahkamah Syariah lebih dinamik dan mapan.

## **2.0 TUJUAN**

Panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi penerangan mengenai tatacara penggunaan kod Kes Mal, Kes Jenayah, Kod Status Kes, Kes Sulh dan Kes Bahagian Sokongan Keluarga di JKSN/MSN. Selain itu, panduan ini juga menerangkan penggunaan Kod Kes Naziran dan Pendaftaran Rayuan di JKSM

## **3.0 SKOP**

Panduan ini terpakai bagi mendaftar dan membuka fail kes syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri seluruh Malaysia.

## **4.0 TAFSIRAN**

### **4.1 Kes Mal**

Kes Mal ialah tuntutan yang dibuat oleh pelanggan (Plaintif dan Defendan / Pemohon dan Responden) di Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan hal-hal kekeluargaan dan harta benda terhadap sesuatu pihak yang lain. Contoh kes mal ialah kes tuntutan cerai, poligami, harta sepencarian dan lain-lain lagi. Kes Mal di akhiri dengan perintah mahkamah yang menjelaskan sama ada pihak Plaintif atau Defendan / Pemohon atau Reponden yang berhak atas sesuatu tuntutan dan bagaimana cara pelaksanaannya.

### **4.2 Kes Jenayah Syariah**

Kes Jenayah Syariah bermaksud apa-apa kes jenayah yang dimulakan dengan permohonan Pegawai Penguatkuasa Agama untuk

mendapatkan apa-apa perintah atau dimulakan dengan pemfailan kes oleh Pendakwa Syarie untuk mendakwa seseorang yang telah melanggar undang-undang kesalahan syariah yang berkuatkuasa dan juga kesalahan-kesalahan berkaitan undang-undang Syariah. Contoh kes jenayah syariah ialah kes khalwat, kes tak solat jumaat dan lain-lain lagi. Kes jenayah diakhiri dengan sabitan atas pertuduhan dan hukuman sama ada hukuman denda atau penjara atau sebatan atau kombinasi hukuman yang ada.

#### **4.3 Sulh**

Sulh merupakan perkhidmatan sokongan yang diberikan oleh Mahkamah kepada pihak-pihak yang terlibat dalam kes tuntutan Mal. Ia dikenali sebagai penyelesaian alternatif yang mempercepatkan proses mencapai keadilan. Proses Sulh dikendalikan oleh Pegawai Sulh yang mempunyai kepakaran perundingan bagi menyelesaikan pertikaian pihak-pihak tanpa memerlukan perbicaraan di Mahkamah yang lebih panjang.

#### **4.4 Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)**

BSK juga perkhidmatan sokongan di Mahkamah Syariah yang membantu pihak-pihak yang berkepentingan terhadap sesuatu perintah mahkamah berkaitan dengan nafkah untuk memperolehi haknya. Sebagai contoh pihak Plaintiff memperoleh perintah pembayaran nafkah anak dengan cara Defendan membayar secara bulanan, apabila Defendan gagal melaksanakan perintah tersebut, Plaintiff berhak mendapat khidmat BSK untuk menguatkuasa dan melaksanakan perintah mahkamah tersebut secara teratur. BSK mengendalikan kes-kes pasca perbicaraan dalam membantu keadilan dilihat dilaksanakan dengan betul

#### **4.5 Naziran**

Proses Naziran Pertindihan Kes di antara JKSN/MSN seluruh negara adalah salah satu aplikasi fungsi JKSM dalam menyelaraskan proses



Kehakiman Syariah di seluruh Malaysia. Arahan Amalan No. 4 Tahun 2003 mewujudkan Jawatankuasa Naziran Pertindihan Kes yang menentukan Mahkamah mana yang perlu menyelesaikan sesuatu kes yang sama tuntutan dan melibatkan pihak-pihak yang sama di dua negeri yang berbeza.

Sekiranya berlaku pertindihan kes yang sama melibatkan pihak-pihak yang sama di antara dua buah negeri, Pendaftar JKSN/MSN berkaitan hendaklah menghantar butiran kes-kes berkenaan ke Jawatankuasa Naziran Pertindihan Kes di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia terlebih dahulu untuk mendapatkan ulasan dan apa-apa arahan sebelum diberikan penghakiman.

#### **4.6 Pendaftaran Rayuan**

Kes rayuan ialah kes yang dirayu dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah atau dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah. Keputusan Mahkamah Rayuan Syariah ialah keputusan yang muktamad dan tidak boleh dirayu lagi. Pendaftaran Rayuan di JKSN/MSN dikendalikan oleh Ketua Pendaftar masing-masing mengikut Undang-undang Tatacara Mal & Jenayah.

Pendaftaran Rayuan di JKSM adalah berkaitan kes-kes rayuan di JKSN/MSN yang melantik Hakim-Hakim Rayuan JKSM sebagai Panel Hakim Rayuan di JKSN/MSN. Proses pendaftaran dan penjadualan kes rayuan yang melibatkan Hakim Rayuan di JKSM dikendalikan oleh Seksyen Pendaftaran Rayuan di Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod (BPKR).

#### **5.0 CIRI-CIRI SISTEM KOD SEDIA ADA (E-SYARIAH VERSI 2)**

- Selaras satu Malaysia
- Mengandungi 16 aksara (contoh: **10100-014-0123-2018**)

- Merangkumi identifikasi:
  - Kod Negeri - **10100** - Bermaksud Negeri Selangor
  - Hiraki Mahkamah (MRS / MTS / MRYS) - **10100** Mahkamah Tinggi Syariah Dewan 1
  - Kod Dewan/Daerah (Dewan 1 / MRS Daerah 1,2,3)
  - Kod Kes (Kes Jenayah & Kes Mal) - 014 Bermaksud Kes Tuntutan Fasakh
  - Bilangan Kes / Tahun - 0123-2018 Bermaksud Kes Ke 123 Di Daftarkan Di Dewan Ini Pada Tahun 2018.
- Wujudnya kod kes transit iaitu kod 099 bagi kes mal (lain-lain tuntutan) dan bagi kes jenayah kod 299 (lain-lain pertuduhan) dalam senarai kod kes.
- Sejak 2016, Jawatankuasa Penyenggaraan Kod Kes diwujudkan bagi mempertimbangkan sebarang permohonan penambahbaikan sistem.

## 6.0 CIRI-CIRI SISTEM KOD BAHARU (E-SYARIAH VERSI 3)

- Selaras satu Malaysia
- Mengandungi 16 - 18 aksara, contoh: **Kes Mal 2001-L0110-153-0002.01**
- Merangkumi identifikasi:
  - Tahun dan bulan semasa - **2001** bermaksud Tahun 2020 & Bulan Januari)
  - Kod Dewan & Hiraki mahkamah (MRS / MTS / MRyS)/daerah (Dewan 1 / MRS Daerah 1,2,3) - **L0110** bermaksud MRS Negeri Selangor (Dewan 1-Shah Alam)
  - Kod Negeri - **H0110** bermaksud Negeri Selangor
  - Kod kes (kes jenayah & kes mal) - **153** bermaksud kes Mal, Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik
  - Bilangan kes bagi dewan ini pada tahun semasa - **0002** bermaksud kes ini kes kedua didaftarkan pada tahun 2020
  - Status kes (pra perkahwinan / sulh / perbicaraan / pasca bicara / rayuan / semakan / bsk) - **.01** bermaksud status kes ini adalah diperingkat Permohonan Saman Gantian

**7.0 CARTA PERBANDINGAN SISTEM PERNOMBORAN SEDIA ADA DENGAN KOD BAHARU**

Versi Lama	Perbandingan	Versi Baharu
16	Aksara	16-18
<b>10000-003-0123-2018</b>	Susunan	<b>2001-H0110-153-0002.01</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• kod negeri</li> <li>• hiraki mahkamah (MRS / MTS / MRyS)</li> <li>• kod dewan/daerah (Dewan 1 / MRS Daerah 1,2,3)</li> <li>• kod kes (kes jenayah &amp; kes mal)</li> <li>• Bilangan kes / Tahun</li> </ul>	Kandungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tahun dan bulan semasa - 2001</li> <li>• Kod Dewan &amp; Hiraki mahkamah (MRS / MTS / MRyS)/daerah (Dewan 1 / MRS Daerah 1,2,3) - MTS Negeri Selangor (Dewan 1-Shah Alam)</li> <li>• Kod Negeri - Selangor</li> <li>• kod kes (kes jenayah &amp; kes mal) - Mal (Tuntutan Cerai Taklik)</li> <li>• Bilangan kes ke 02 bagi dewan ini pada tahun semasa</li> <li>• Status kes (sama ada pra perkahwinan/ sulh/ perbicaraan/ pasca bicara/ rayuan/ semakan/ bsk) - Permohonan Saman Gantian</li> </ul>
099 & 299	Kes Transit	Tiada

## **8.0 PANDUAN PENGGUNAAN KOD KES**

Kod Kes ini hendaklah menjadi asas kepada pengenalan rekod fungsian di JKSN/MSN ketika menerima pendaftaran kes. Berikut adalah panduan dan contoh penggunaan kod kes mengikut peranan bahagian pendaftaran Mahkamah, Majlis Sulh, Bahagian Sokongan Keluarga, Naziran dan Pendaftaran Rayuan di JKSM.

### **8.1 Pendaftaran Fail Fungsian Kes Mal Dan Kes Jenayah**

8.1.1 Pendaftaran fail fungsian bagi mana-mana kes Mal dan Jenayah oleh Pendaftar JKSN/MSN perlu merujuk kepada kod-kod berikut:

- a) Kod Dewan
- b) Kod Kes Mal
- c) Kod Status Kes Mal (Jika berkaitan)
- d) Kod Kes Jenayah
- e) Kod Status Kes Jenayah (Jika berkaitan)
- f) Kod Kes Rayuan
- g) Kod Kes Semakan

8.1.2 Kod Kes bagi sesuatu fail fungsian (fail kes) hanya boleh didaftarkan apabila telah lengkap fakta berkenaan:

- a) Negeri lokasi JKSN/MSN
- b) Hiraki Dewan mendengar kes (sama ada Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Utama)
- c) Dewan atau Daerah
- d) Tahun pendaftaran kes
- e) Bulan pendaftaran kes
- f) Kes Tuntutan/Permohonan
- g) No pendaftaran kes terkini
- h) Status kes Mal/Jenayah

8.1.3 Kod Kes akan dijana oleh Sistem E-Syariah Versi 3 dengan format berikut:

a) Kes Mal 2001-L0110-153-0002

Huraian:

20 = Tahun 2020  
01 = Bulan Januari  
L01 = Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam  
10 = Negeri Selangor  
153 = Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik  
0002 = Kes bilangan ke-2 didaftarkan di Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam

b) Kes Jenayah 2003-L0114-651-0089

Huraian:

20 = Tahun 2020  
03 = Bulan Mac  
L01 = Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan  
14 = Wilayah Persekutuan  
651 = Khalwat / Percubaaan Persetubuhanan Haram / Bersekedudukan  
0089 = Kes Jenayah bilangan ke-89 didaftarkan di Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan.

8.1.4 Senarai Kod Kes Mal adalah seperti di **Lampiran 1**.

8.1.5 Senarai Kod Kes Jenayah adalah seperti di **Lampiran 2**.

## 9.0 PANDUAN PENGGUNAAN KOD STATUS KES

Kod status kes adalah kod yang baru diperkenalkan dalam sistem kod kes ini. Ia merupakan dua (2) aksara tambahan selepas noktah / titik (.) di hadapan bilangan kes.

Tujuan kod status kes ini diwujudkan adalah untuk menjelaskan status sesuatu peringkat / proses bagi satu-satu kes mal atau jenayah di Mahkamah contohnya di peringkat pra bicara kes jenayah syariah (permohonan waran geledah/waran tangkap dan lain-lain). Kod status ini juga mampu mengasimilasikan kod kes Sulh dan Kod BSK sedia ada dalam satu sistem kod kes yang standard.

Kod status kes tidak menjana jumlah status kes yang didaftar tetapi mengekalkan nombor pendaftaran kes asal. Walaubagaimanapun jumlah bilangan kes yang didaftar boleh ditawan (capture) oleh sistem E-Syariah dan boleh diakses bila diperlukan.

Kod Status Kes dibahagikan kepada enam (6) kategori, sebagaimana berikut-

- a) Kod Status Kes Mal:  
menjelaskan status prosiding kes mal
- b) Kod Status Kes Jenayah:  
menjelaskan status prosiding ke Jenayah
- c) Kod Status Kes Rayuan:  
menjelaskan jenis rayuan/permohonan yang dipohon ke Mahkamah yang berhak mendengar rayuan
- d) Kod Status Kes Semakan:  
menjelaskan jenis semaka yang dipohon ke Mahkamah yang berhak melakukan semakan:
- e) Kod Kes Sulh:  
menjelaskan status kes yang masih diperingkat Sulh
- f) Kod Kes BSK:  
menjelaskan status sesuatu kes yang sedang diuruskan oleh Seksyen Bahagian/Seksyen Sokongan Keluarga

## 9.1 Kod Status Kes Mal

- 9.1.1 Kod Status Kes Mal adalah terpakai bagi kes mal di pelbagai peringkat sama ada pra bicara, semasa perbicaraan sedang berjalan mahupun di peringkat pasca perbicaraan.
- 9.1.2 Kod ini diwujudkan bagi mengenalpasti status prosiding kes bagi kes mal sama ada Permohonan Interlokutori, Ex-Parte, Notis Tunjuk Sebab dan lain-lain.
- 9.1.3 Ia merupakan dua (2) askara tambahan selepas noktah / titik (.) di hadapan bilangan kes.
- 9.1.4 Kod Satus Kes Mal adalah seperti di **Lampiran 3**
- 9.1.5 Contoh penggunaan kod kes semakan adalah sebagaimana berikut:

Kod Status Kes Mal: 2001-H0110-153-0002.02

### Huraian

20	=	Tahun 2020
01	=	Bulan Januari
H01	=	Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam
10	=	Negeri Selangor
153	=	Tuntutan Cerai Taklik
0002	=	Kes bilangan ke-2 didaftarkan di Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam
.02	=	Kes di peringkat pengurusan Permohonan Penyampaian Luar Bidangkuasa



## 9.2 Kod Status Kes Jenayah

9.2.1 Kod Status Kes Jenayah adalah terpakai bagi kes jenayah di pelbagai peringkat sama ada pra bicara, semasa pembicaraan sedang berjalan mahupun di peringkat pasca perbicaraan.

9.2.2 Kod ini diwujudkan bagi mengenalpasti status prosiding kes bagi kes jenayah sama ada permohonan waran tangkap, permohonan tangguh pelaksanaan hukuman dan lain-lain.

9.2.3 Ia merupakan dua (2) askara tambahan selepas noktah / titik (.) di hadapan bilangan kes.

9.2.4 Kod Status Kes Jenayah adalah seperti di **Lampiran 4**.

9.2.5 Contoh penggunaan kod kes jenayah adalah sebagaimana berikut:

Kes Jenayah: 2010-H0114-651-0089.32

Huraian:

20	=	Tahun 2020
10	=	Bulan Oktober
H01	=	Dewan 1, Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan
14	=	Wilayah Persekutuan
651	=	Khalwat / Percubaaan Persetubuhanan Haram / Bersekedudukan
0089	=	Kes Jenayah bilangan ke-89 didaftarkan di Dewan 1, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan.
.32	=	Permohonan Penggantungan Pelaksanaan Hukuman

### 9.3 Kod Kes Rayuan

9.3.1 Kod Kes Rayuan adalah terpakai bagi semua kes rayuan sama ada rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah atau rayuan dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah atau ke Mahkamah yang lebih tinggi.

9.3.2 Kod ini diwujudkan bagi mengenalpasti jenis sesuatu kes rayuan sama ada kes rayuan, permohonan kebenaran merayu, permohonan lanjut tempoh atau rayuan dalam kamar.

9.3.3 Kod Dewan Mahkamah Tinggi Syariah bagi kes rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah (Kod 500) telah dimansuhkan. Penggunaan kod kes rayuan ini adalah sebagai alternatif bagi menunjukkan kes rayuan tersebut serta peringkat rayuan yang dilalui.

9.3.4 Ia merupakan dua (2) askara tambahan selepas noktah / titik (.) di hadapan kod kes.

9.3.5 Kod Kes Rayuan adalah seperti di **Lampiran 5**.

9.3.6 Contoh penggunaan kod kes rayuan adalah sebagaimana berikut:

Kes Rayuan Mal: 2009-H0110-153-0030.A1

Huraian:

20	=	Tahun 2020
09	=	Bulan September
H01	=	Dewan 1, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam
10	=	Negeri Selangor
153	=	Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik
0030	=	Kes bilangan ke-30 di daftarkan di Dewan 1,

Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam

Rayuan Peringkat Pertama ,

.A1 = Kes Rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah (MRS) ke Mahkamah Tinggi Syariah (MTS)

Kes Rayuan Jenayah: 2010-A0010-651-0030.A2

Huraian:

20 = Tahun 2020

10 = Bulan Oktober

A00 = Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor

10 = Negeri Selangor

651 = Kes Khalwat

0030 = Kes Jenayah bilangan ke-30 didaftarkan di Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor Rayuan Peringkat Pertama,

.A2 = Kes Rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah (MRS) ke Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan dirayu ke Mahkamah Rayuan Syariah.

#### **9.4 Kod Kes Semakan**

9.4.1 Kod Kes Rayuan adalah terpakai bagi semua kes semakan sama ada semakan dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah atau rayuan dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah.

9.4.2 Kod ini diwujudkan bagi mengenalpasti jenis sesuatu kes semakan sama ada kes semakan oleh hakim bicara, semakan oleh pihak-pihak dan sebagainya.

9.4.3 Kod Dewan Mahkamah Tinggi Syariah bagi kes semakan dari Mahkamah Rendah Syariah (Kod 500) telah dimansuhkan.

Penggunaan kod kes semakan ini adalah sebagai alternatif bagi menunjukkan kes semakan tersebut.

9.4.4 Ia merupakan dua (2) askara tambahan selepas noktah / titik (.) di hadapan kod kes.

9.4.5 Kod Kes Semakan adalah seperti di **Lampiran 6**.

9.4.6 Contoh penggunaan kod kes semakan adalah sebagaimana berikut:

Kes Semakan Mal: 2003-H0304-153-0020.R4

Huraian:

20	=	Tahun 2020
03	=	Bulan Mac
H03	=	Dewan 3, Mahkamah Tinggi Syariah
04	=	Negeri Melaka
153	=	Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik
0030	=	Kes bilangan ke-20 di daftarkan di Dewan 3, Mahkamah Tinggi Syariah Melaka
.R4	=	Kes di peringkat Semakan Oleh Pihak-Pihak (Planitif/Defendan/OKT)

Kes Semakan Jenayah: 2011-A0014-652-0033.R3

Huraian:

20	=	Tahun 2020
11	=	Bulan November
A00	=	Mahkamah Rayuan Syariah
14	=	Wilayah Persekutuan
652	=	Kes Liwat
0033	=	Kes Jenayah bilangan ke-33 didaftarkan di Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah

## Persekutuan

.R3 = Semakan oleh Ketua Pendakwa Syarie

### 9.5 Kod Kes Sulh

9.5.1 Pendaftaran fail fungsian bagi mana-mana kes Sulh oleh Pendaftar Sulh JKSN/MSN perlu merujuk kepada kod-kod berikut:

- i. Kod Sulh
- ii. Kod Kes Mal
- iii. Kod Status Kes Mal (Jika berkaitan)

9.5.2 Kod Kes bagi sesuatu fail fungsian (fail kes) hanya boleh didaftarkan apabila telah lengkap fakta berkenaan:

- a. Negeri lokasi JKSN/MSN
- b. Hiraki Dewan mendengar kes (sama ada Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Utama)
- c. Dewan atau Daerah
- d. Tahun Pendaftaran kes
- e. Bulan Pendaftaran Kes
- f. Kes Tuntutan / Permohonan
- g. Nombor Pendaftaran Kes Terkini
- h. Status Kes Mal

9.5.3 Kod Kes Sulh dibina dengan mengekalkan keseluruhan kod kes mal yang telah di jana dan menambah kod sulh selepas noktah / titik (.)

9.5.4 Contoh penggunaan Kod Kes Sulh adalah seperti berikut:

Kes Mal: 2003-L0310-221-0020.S3

Huraian:

20	=	Tahun 2020
03	=	Bulan Mac
L03	=	Dewan 3, Mahkamah Rendah Syariah Selangor
10	=	Negeri Selangor
221	=	Tuntutan Nafkah Eddah
0020	=	Kes bilangan ke-20 didaftarkan di Dewan 3, Mahkamah Rendah Syariah Selangor
.S3	=	Kes tuntutan Nafkah Eddah di peringkat Majlis Sulh, dikendalikan di bilik Sulh nombor 3

9.5.4 Kod Satus Kes Sulh adalah seperti di **Lampiran 7**.

9.5.5 Walaupun tiada janaan bilangan jumlah kes semasa yang dikendalikan oleh sesuatu dewan / bilik sulh namun jumlah tersebut ditawan (capture) oleh sistem E-Syariah dan boleh diakses bila diperlukan.

## 9.6 Kod Kes Bahagian Sokongan Keluarga

9.6.1 Pendaftaran fail fungsian bagi mana-mana kes yang di kendalikan oleh Seksyen/Unit Bahagian Sokongan Keluarga JKSN/MSN perlu merujuk kepada kod-kod kes berikut:

- a. Kod BSK.
- b. Kod Kes Mal
- c. Kod Dewan

9.6.2 Kod Kes bagi sesuatu fail fungsian (fail kes) hanya boleh didaftarkan apabila telah lengkap fakta berkenaan:

- a. Negeri lokasi JKSN/MSN
- b. Hiraki Dewan mendengar kes (sama ada Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Utama)
- c. Dewan atau Daerah
- d. Tahun Pendaftaran kes

- e. Bulan pendaftaran kes
- f. Kes Tuntutan/Permohonan
- g. No pendaftaran kes terkini
- h. Unit pengendali kes tersebut di BSK

9.6.3 Kod kes BSK sedia adalah seperti berikut:

Bagi kes Mal 14100–037–0001–2010 (16 aksara) yang sedang dalam tindakan Unit Khidmat Nasihat Perundangan akan menggunakan no kes 64100–01–037–0001–2010 (18 aksara), di mana 64 bermaksud Wilayah Persekutuan, 01 - Unit Khidmat Nasihat Perundangan (SKNP), dengan mengekalkan kod kes dan nombor bilangannya.

9.6.4 Contoh penggunaan kod kes BSK adalah seperti di **Lampiran 8**.

9.6.5 Walaupun tiada janaan bilangan jumlah kes semasa yang dikendalikan oleh sesuatu unit BSK namun jumlah tersebut ditawarkan (capture) oleh sistem E-Syariah dan boleh diakses bila diperlukan.

## **10.0 KOD KES NAZIRAN**

10.1 Pendaftaran fail fungsian bagi mana-mana kes naziran yang dikendalikan oleh Seksyen Sulh, Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod, JKSM perlu merujuk kepada kod-kod kes berikut:

- a. Kod Kes Naziran
- b. Kod Kes Mal bagi kedua-dua kes yang bertindan
- c. Kod Dewan

10.2 Kod Kes bagi sesuatu fail fungsian (fail kes naziran) hanya boleh didaftarkan apabila telah lengkap fakta berkenaan:

- a. Negeri lokasi JKSN/MSN yang terlibat dengan pertindihan kes

- b. Hiraki Dewan mendengar kes (sama ada Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Utama)
- c. Tahun dan bulan pertindihan kes mula diadu ke JKSM
- d. Kod Kes

10.3 Contoh penggunaan Kod Kes Naziran adalah seperti berikut-

Kes Naziran: 2007-1004-251-003

Huraian:

20	=	Tahun 2020 Bulan Julai
07	=	(Kes Naziran ini didaftarkan pada bulan Julai 2020) Kod negeri yang pertama/mula membuat
10	=	aduan kepada JKSM berlakunya pertindihan kes (Negeri Selangor)
04	=	Kod negeri yang diadu (Negeri Melaka)
251	=	Kod kes yang didaftarkan di JKSN yang membuat aduan (251) = Tuntutan Nafkah Anak
003	=	Bilangan kes naziran pertindihan kes yang didaftarkan pada tahun semasa

## 11.0 KOD KES RAYUAN DI JKSM

11.1 Pendaftaran fail Kes Rayuan oleh Seksyen Rayuan, JKSM perlu merujuk Kod Kes Rayuan.

11.2 Pendaftaran fail fungsian bagi mana-mana kes naziran yang di kendalikan oleh Seksyen Pendaftaran Rayuan, Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod, JKSM perlu merujuk kepada kod-kod Kes berikut:

- a. Kod Kes Rayuan JKSM
- b. No Kes Mal yang dirayu



- c. Kod Hakim Rayuan JKSM
- d. Kod Dewan

11.3 Kod Kes bagi sesuatu fail fungsian (fail kes rayuan di JKSM) hanya boleh didaftarkan apabila telah lengkap fakta berkenaan:

- a. Mahamah Rayuan JKSN/MSN Negeri
- b. Nombor Kes Rayuan sedia ada yang didaftarkan oleh JKSN/MSN.
- c. Hakim-Hakim Panel Rayuan yang akan mendengar kes Rayuan tersebut. Nombor yang mewakili Pengerusi sidang rayuan hendaklah didahulukan.
- d. Tuntutan/Permohonan yang dirayu (kod kes)
- e. Jumlah bilangan semasa kes yang dikendalikan
- f. Status Rayuan (Sama ada rayuan, permohonan lanjut tempoh dan lain-lain).

11.4 Contoh penggunaan Kod Kes Rayuan (JKSM) adalah seperti berikut:

Kes rayuan: 2001-10-123-251-0001.A1

Huraian:

- 20 = Tahun 2020
- 01 = Bulan Januari
- 10 = Negeri Selangor
- Kod Hakim Rayuan yang mengendalikan kes rayuan (Kes ini dikendalikan oleh:
- 123 = (1)YAA Dato' Haji Mukhyuddin, (Pengerusi)  
(2)YA Tuan Hj Shaarani dan  
(3) YA Dato' Dr Hj Mohd Naim)
- 251 = Kes Tuntutan Nafkah Anak (kekalkan kes yang dirayu)
- 0001 = Bilangan kes
- .A1 = Status Kes: Rayuan Peringkat 1

11.5 Kod Hakim Panel Rayuan JKSM adalah bersifat dinamik dan dikawal oleh Sekyksen Pendaftaran Rayuan di BPKR, JKSM. Kod ini boleh dipinda selaras dengan pelantikan dan pelepasan jawatan Hakim Rayuan JKSM dari masa ke semasa. Senarai kod panel dalam panduan ini adalah sebagai contoh sahaja.

## **12.0 KOD DEWAN MAHKAMAH SYARIAH**

Kod Dewan Mahkamah-mahkamah Syariah telah dijadikan Arahan Amalan No. 12 Tahun 2018. Senarai kod dewan tersebut adalah seperti di **Lampiran 11**.

## **13.0 JADUAL PERBANDINGAN KOD KES SEDIA ADA DENGAN KOD KES BAHARU**

Bagi memudahkan pengguna dalam mengaplikasikan kod kes baharu, satu jadual perbandingan (mapping) disediakan seperti di **Lampiran 12 (Kes Mal)** dan **Lampiran 13 (Kes Jenayah)**.

## 14.0 RUJUKAN

- Arahan Amalan No. 1 Tahun 2000 - Kod Pendaftaran Kes
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 (Panduan Pengurusan Pejabat)
- Dasar Pengurusan Rekod Kerajaan 2010 (DPRK)
- Panduan Klasifikasi Fail (Housekeeping) JKSM 2013
- Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam Tahun 2016

## 15.0 PENUTUP

Adalah diharapkan dengan penyediaan panduan ini, pengguna dapat mengaplikasikan penggunaan kod kes baharu ini dengan lebih sistematik bagi memastikan pengurusan kod kes di mahkamah syariah lebih mapan dan berkesan.

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

Ketua Penolong Pengarah  
Seksyen Rekod  
Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Telefon : 03-8870 9293  
Faks : 03-8870 9270  
Emel : rekod@esyariah.gov.my  
Portal : <https://sites.google.com/view/transform-to-new-code/home>

KLASIFIKASI KOD KES MAL

**100 PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN**

**110 KEBENARAN BERNIKAH**

- 111 Permohonan Kebenaran Nikah Bawah Umur
- 112 Permohonan Kebenaran Bernikah Perempuan Yang Bercerai Tanpa Eddah / Janda Berhias
- 113 Permohonan / Tuntutan Kebenaran Poligami

**120 WALI HAKIM / WALI RAJA**

- 121 Permohonan Nikah Berwali Hakim Disebabkan Anak Tak Sah Taraf
- 122 Permohonan Nikah Berwali Hakim Disebabkan Wali Ghaib / Tiada Wali Nasab
- 123 Permohonan Nikah Berwali Hakim Disebabkan Muallaf
- 124 Tuntutan Wali Enggan/Engkar

**130 PERMOHONAN PENGESAHAN NIKAH**

- 131 Permohonan Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran di Luar Negara
- 132 Permohonan Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran di Dalam Negara
- 133 Permohonan Pengesahan Nikah Poligami Tanpa Kebenaran di Luar Negara
- 134 Permohonan Pengesahan Nikah Poligami Tanpa Kebenaran di Dalam Negara

**140 HAK-HAK SEBELUM / SEMASA / SELEPAS PERKAHWINAN**

- 141 Tuntutan Gantirugi Pertunangan
- 142 Tuntutan Hak Tempat Tinggal
- 143 Tuntutan Sabitan Nusyuz
- 144 Tuntutan Perintah Supaya Suami Tinggal Bersama / Berlaku Adil
- 145 Tuntutan Isteri Kembali Taat
- 146 Tuntutan Mas Kahwin
- 147 Tuntutan Gantirugi Perkahwinan
- 148 Tuntutan Hutang Dalam Perkahwinan

**150 PENCERAIAN / RUJUK / EDDAH**

- 151 Tuntutan / Permohonan Perceraian
- 152 Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai

- 153 Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik
- 154 Tuntutan Khulu' / Tebus Talaq
- 155 Permohonan Pengesahan Rujuk
- 156 Permohonan Pengesahan Eddah
- 157 Permohonan Pengesahan Status Janda

#### 160 PERINTAH PEMBUBARAN PERKAHWINAN

- 161 Permohonan Perisytiharan Pembubaran Perkahwinan Kerana Pertukaran Agama
- 162 Tuntutan Fasakh
- 163 Permohonan Faraq Nikah
- 164 Tuntutan Illa'
- 165 Tuntutan Zihar
- 166 Tuntutan Li'an

### 200 HARTA SEPENCARIAN / NAFKAH ISTERI / MUT'AH / HADHANAH / NAFKAH ANAK / NAFKAH PIHAK BERKEPENTINGAN

#### 210 HARTA SEPENCARIAN

- 211 Tuntutan Harta Sepencarian Semasa Poligami
- 212 Tuntutan Harta Sepencarian Cerai Hidup
- 213 Tuntutan Harta Sepencarian Cerai Mati
- 214 Tuntutan Tambahan Harta Sepencarian
- 215 Tuntutan Harta Dom

#### 220 NAFKAH ISTERI / MUT'AH

- 221 Tuntutan Nafkah Eddah
- 222 Tuntutan Nafkah Isteri
- 223 Tuntutan Cagaran Nafkah Isteri
- 224 Tuntutan Tunggakan Nafkah Isteri
- 225 Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah Isteri
- 226 Tuntutan Membatalkan Perintah Nafkah Isteri
- 227 Tuntutan Mut'ah

#### 230 HADHANAH

- 231 Tuntutan Hadhanah
- 232 Tuntutan Mengubah Perintah Hadhanah / Hak Lawatan Anak / Hak Bermalam

#### 240 ANAK ANGKAT / ANAK YATIM / ANAK TAK SAH TARAF

- 241 Tuntutan Hak Penjagaan Anak Tak Sah Taraf
- 242 Permohonan Pengangkatan Anak / Anak Angkat
- 243 Permohonan Penjaga Anak Yatim
- 244 Tuntutan Pemecatan Penjaga Anak Yatim

245 Tuntutan / Permohonan Mengubah Perintah Hak Jagaan Anak  
Angkat / Anak Yatim / Anak Tak Sah Taraf

**250 NAFKAH ANAK / ANAK ANGKAT / ANAK TAK SAH TARAF**

251 Tuntutan Nafkah Anak  
252 Tuntutan Nafkah Anak Tak Sah Taraf  
253 Tuntutan Nafkah Anak Angkat  
254 Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah Anak / Anak Angkat / Anak  
Tak Sah Taraf  
255 Tuntutan Membatalkan Perintah Nafkah Anak / Anak Angkat /  
Anak Tak Sah Taraf  
256 Tuntutan Tunggakan Nafkah Anak / Anak Angkat / Anak Tak  
Sah Taraf  
257 Tuntutan Cagaran Nafkah Anak / Anak Angkat / Anak Tak Sah  
Taraf

**260 KEBAJIKAN ANAK / ORANG TAK BERKEUPAYAAN**

261 Permohonan Penjaga Ad-Litem (Kes Induk Belum Difailkan)  
262 Permohonan Pelantikan Penjaga Harta Seseorang Orang  
Belum Dewasa  
263 Permohonan Perintah Penjagaan Bersama Harta Seseorang  
Orang Belum Dewasa  
264 Permohonan Perintah Bagi Perubahan Kuasa Penjaga Harta  
Bagi Seseorang Orang Belum Dewasa  
265 Permohonan Perintah Bagi Pemecatan Penjaga Harta  
Seseorang Orang Belum Dewasa  
266 Permohonan Kebenaran Bagi Pelupusan Harta Seseorang  
Orang Belum Dewasa  
267 Permohonan Kebenaran Untuk Menyara Seseorang Orang  
Belum Dewasa Daripada Pendapatan Hartanya  
268 Permohonan Perintah Bagi Penggunaan Harta Modal Untuk  
Menyara Seseorang Orang Belum Dewasa

**270 TUNTUTAN NAFKAH PIHAK BERKEPENTINGAN**

271 Tuntutan Nafkah Untuk Pihak Berkepentingan Ibu / Bapa  
272 Tuntutan Nafkah Untuk Pihak Berkepentingan Orang Tak Upaya  
273 Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah Untuk Pihak  
Berkepentingan  
274 Tuntutan Tunggakan Nafkah Untuk Pihak Berkepentingan  
275 Tuntutan Membatalkan Perintah Nafkah Untuk Pihak  
Berkepentingan

**300 TUNTUTAN HARTA / STATUS DIRI / INSTITUSI AGAMA**

**310 FARAID**

- 311 Permohonan Sijil / Perintah Faraid / Akuan Pusaka
- 312 Permohonan Perubahan Sijil / Perintah Faraid / Akuan Pusaka
- 313 Permohonan Pengesahan Ahli Waris Faraid
- 314 Permohonan Pentadbir Harta Pusaka / Wasi Harta
- 315 Tuntutan / Permohonan Penyelesaian / Penjelasan Hutang Si Mati
- 316 Permohonan Pengesahan / Penentuan Status Harta Pusaka

#### 320 WAKAF / NAZAR / WASIAT

- 321 Tuntutan Pengesahan Waqaf
- 322 Tuntutan Pengesahan Nazar
- 323 Permohonan Pengesahan Wasiat
- 324 Tuntutan Wasiat Wajibah

#### 330 HIBAH

- 331 Permohonan / Tuntutan Pengesahan Hibah
- 332 Permohonan / Tuntutan Pengesahan Hibah Semasa Marad al-Maut
- 333 Permohonan / Tuntutan Tarik Balik Hibah
- 334 Permohonan Pemegang Amanah Hibah

#### 340 INSTITUSI AGAMA

- 341 Permohonan Berkaitan Baitulmal
- 342 Permohonan Berkaitan Masjid
- 343 Permohonan Berkaitan Zakat dan Fitrah

### 400 TUNTUTAN / PERMOHONAN PRA / PASCA PENGHAKIMAN

#### 410 PENGUATKUASAAN PERINTAH

- 411 Permohonan Penguatkuasaan Perintah Melalui Penyitaan Dan Penjualan
- 412 Permohonan Penguatkuasaan Perintah Melalui Prosiding Ganishment / Hiwalah
- 413 Permohonan Penguatkuasaan Perintah Melalui Pemilikan Harta Tak Alih
- 414 Permohonan Penguatkuasaan Perintah Melalui Penghantarserahan Harta Alih
- 415 Permohonan Penguatkuasaan Penghakiman - Perintah Pengkomitan Untuk Menahan Diri Dari Melakukan Sesuatu Perbuatan (Permohonan Kebenaran Pengkomitan)

- 416 Permohonan Penguatkuasaan Penghakiman – Perintah Pengkomitan Bagi Penyerahan Anak (Permohonan Kebenaran Pengkomitan)
- 417 Permohonan Untuk Menetapkan Masa
- 420 PELAKSANAAN PERINTAH / SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN**
  - 421 Permohonan Untuk Mendapatkan Kebenaran Perintah Pelaksanaan
  - 422 Permohonan Pelaksanaan Perintah Mahkamah
  - 423 Permohonan Untuk Melanjutkan / Memendekkan Tempoh Perintah / Penghakiman
  - 424 Permohonan / Permintaan Untuk Mendapatkan Saman Penghutang Penghakiman / Tuntutan Saman Penghutang Penghakiman
  - 425 Permohonan Mendapatkan Notis Penghakiman
- 430 PROSIDING INTERIM**
  - 431 Permohonan Perintah Interim Hadhanah (Kes Induk Belum Difaikkan)
  - 432 Permohonan Perintah Interim Nafkah (Kes Induk Belum Difaikkan)
- 440 PROSIDING TEGAHAN / INJUNKSI (KES INDUK BELUM DIFAILKAN)**
  - 441 Permohonan Perintah Injunksi Terhadap Gangguan
  - 442 Permohonan Tegahan / Injunksi Berkaitan Dengan Harta Anak Yang Belum Dewasa
  - 443 Permohonan Perintah Injunksi / Tegahan Membawa Anak Keluar Malaysia
  - 444 Permohonan Injunksi / Pembekuan Transaksi Harta
- 450 PROSIDING RAYUAN / SEMAKAN / PELBAGAI**
  - 451 Permohonan Kebenaran Merayu
  - 452 Permohonan Melanjutkan Tempoh Pemfailan Notis Rayuan.
  - 453 Permohonan Rayuan Semakan Keputusan Pendaftar Nikah Cerai Rujuk
  - 454 Permohonan Lanjut Tempoh Pemfailan Semakan
  - 455 Permohonan Semakan Kehakiman
  - 456 Permohonan Memulakan Prosiding Penghinaan Mahkamah
- 500 PROSIDING AM**
- 510 PEGUAM SYARIE**
  - 511 Notis Permohonan Menjadi Peguam Syarie



- 512 Notis Bantahan Menjadi Peguam Syarie
- 513 Notis Pengisytiharan Sebagai Peguam Syarie

520 STATUS DIRI

- 521 Permohonan Pengisytiharan Status Agama
- 522 Permohonan Pengisytiharan Status Agama Si Mati
- 523 Permohonan Anggapan Kematian Kerana Mafqud
- 524 Permohonan Mendakwa / Membela Sebagai Orang Miskin
- 525 Permohonan Pengesahan Mahram
- 526 Permohonan Pengesahtarafan Nasab

## KLASIFIKASI KOD KES JENAYAH

### 600 AQIDAH, KESUCIAN ISLAM DAN INSTITUSINYA

#### 610 AQIDAH

- 611 Pemujaan Salah
- 612 Mendakwa Bukan Islam untuk mengelakkan tindakan
- 613 Takfir
- 614 Doktrin Palsu / Mengembangkan Doktrin Agama / Perbuatan Atau Ajaran Salah
- 615 Dakwaan Palsu
- 616 Percubaan Murtad
- 617 Kesalahan Berkaitan Tarekat Dan Tasawuf
- 618 Mempersendakan, dll., ayat Al-Quran dan Hadith

#### 620 KESUCIAN ISLAM

- 621 Menghina atau menyebabkan dipandang hina, dll., agama Islam
- 622 Mengajar tanpa tauliah / Khutbah / Ceramah / Syarahan Agama tanpa kebenaran
- 623 Penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syara'
- 624 Menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama
- 625 Berjudi
- 626 Minuman yang memabukkan
- 627 Membuat / Menjual Minuman Yang Memabukkan
- 628 Tidak menghormati Ramadhan
- 629 Tidak menunaikan sembahyang Jumaat

#### 630 INSTITUSI ISLAM

- 631 Memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat
- 632 Menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama
- 633 Kesalahan berkaitan dengan fatwa
- 634 Mengingkari perintah Mahkamah
- 635 Mengganggu perhimpunan atau upacara agama
- 636 Kesalahan berkaitan institusi persekolahan agama Islam

#### 640 KEHORMATAN DIRI

- 641 Perbuatan sumbang mahram
- 642 Pelacuran / Melacurkan isteri atau anak
- 643 Muncikari
- 644 Orang-orang yang hidup atas atau yang memperdagangkan pelacuran
- 645 Persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii

- 646 Persetubuhan luar nikah / Kesalahan mewatie’/
- 647 Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah
- 648 Hamil luar nikah

#### 650 KESUSILAAN

- 651 Khalwat / Percubaaan persetubuhan haram / Bersekedudukan
- 652 Liwat (homoseksual)
- 653 Musahaqah (lesbian)
- 654 Lelaki berlagak seperti perempuan / Perempuan berlagak seperti lelaki
- 655 Menggalakkan maksiat
- 656 Perbuatan tidak sopan di tempat awam
- 657 Qazaf
- 658 Mendedah tubuh di tempat awam
- 659 Mengacau seseorang di tempat awam

#### 660 BAITULMAL, ZAKAT DAN MASJID

- 661 Tidak membayar zakat atau fitrah
- 662 Pembayaran tak sah akan zakat atau fitrah
- 663 Pemungutan zakat atau fitrah tanpa diberi kuasa
- 664 Mendirikan masjid / surau tanpa kebenaran
- 665 Memungut khairat tanpa kebenaran
- 666 Bertindak salah sebagai imam, khatib atau bilal dalam Solat Jumaat
- 667 Sembahyang Jumaat tanpa kebenaran
- 668 Kesalahan berkaitan dengan waqaf / Majlis / Baitul Mal
- 669 Lain-lain Kesalahan Berkaitan Zakat

#### 670 KESALAHAN BERKAITAN UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN

- 671 Tidak menghiraukan titah perintah mengenai Awal Ramadhan dan Dua Hari Raya
- 672 Beramal sebagai Peguam Syarie tanpa tauliah
- 673 Penyalahgunaan tanda halal
- 674 Pecah Amanah
- 675 Pecah Rahsia
- 676 Tidak melaporkan pemelukan ke Agama Islam.
- 677 Memberi Maklumat / Keterangan Palsu Kepada Pendaftar Muallaf

## 680 LAIN-LAIN KESALAHAN BERKAITAN JENAYAH SYARIAH

- 681 Percubaan melakukan kesalahan di bawah undang-undang syarak
- 682 Subahat
- 683 Memberikan keterangan, maklumat atau pernyataan palsu
- 684 Takzir / Kesalahan yang tidak ditentukan dalam undang-undang
- 685 Kata-kata yang boleh memecah keamanan
- 686 Makanan haram

## 700 KESALAHAN BERKAITAN INSTITUTI KEKELUARGAAN (MATRIMONI)

### 710 PERKAHWINAN

- 711 Tidak hadir di hadapan Pendaftar dalam masa yang ditetapkan
- 712 Pelanggaran terhadap Seksyen 32
- 713 Gangguan terhadap perkahwinan
- 714 Akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan
- 715 Akad nikah perkahwinan yang tidak dibenarkan
- 716 Kesalahan-kesalahan berhubungan dengan akad nikah perkahwinan
- 717 Poligami tanpa kebenaran Mahkamah

### 720 PERCERAIAN

- 721 Perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah
- 722 Tidak membuat laporan Berkaitan Undang-Undang Keluarga Islam
- 723 Meninggal langsung isteri
- 724 Menganiaya isteri atau suami
- 725 Tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri
- 726 Isteri tidak menurut perintah
- 727 Percubaan menjadi murtad untuk membatalkan perkahwinan
- 728 Persetubuhan luar nikah antara orang yang bercerai
- 729 Kecuaian dengan sengaja untuk tidak mematuhi perintah di bawah Undang-undang Keluarga Islam

## 730 GANGGUAN PERKAHWINAN

- 731 Memujuk lari perempuan bersuami
- 732 Menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri
- 733 Menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau meninggalkan kewajipan
- 734 Anak dara lari dari jagaan
- 735 Memujuk lari orang perempuan tidak bersuami
- 736 Menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam
- 737 Tidak melaporkan rujuk

## 800 PROSIDING AM

### 810 DARIHAL TATACARA JENAYAH

- 811 Pegawai mengingkari arahan undang-undang dengan niat hendak menyebabkan bencana kepada mana-mana orang
- 812 Tidak mengemukakan dokumen kepada Pegawai Agama di sisi undang-undang
- 813 Enggan mengangkat sumpah yang dikehendaki oleh Pegawai Agama
- 814 Enggan menjawab soalan Pegawai Agama yang diberi kuasa
- 815 Enggan menandatangani pernyataan
- 816 Sengaja menghina dan mengganggu Pegawai Agama yang sedang bersidang dalam prosiding kehakiman
- 817 Penghinaan Mahkamah
- 818 Darihal menghina kuasa yang sah di sisi undang-undang bagi penjawat awam

### 820 PROSIDING PRA PENDAKWAAN (BAGI KES YANG BELUM DIDAFKARKAN UNTUK PENDAKWAAN JENAYAH SYARIAH)

- 821 Permohonan Mendapatkan Waran Tangkap Terhadap Orang Yang Disyaki
- 822 Permohonan Mendapatkan Waran Geledah Berkaitan Orang Yang Disyaki
- 823 Permohonan Untuk Mendapatkan Perintah Tahanan Reman Terhadap Orang Yang Disyaki
- 824 Permohonan Mendapatkan Waran Kehadiran Saksi Untuk Siasatan
- 825 Permohonan Prosiding Pengakuan Salah Di Hadapan Hakim
- 826 Permohonan Prosiding Aduan Kepada Hakim

- 830 **BON JAMINAN UNTUK PENDAKWAAN JENAYAH SYARIAH**
- 831 Permohonan Mendapatkan Jaminan Mahkamah Oleh Penguatkuasa Bagi Kes Boleh Tangkap
  - 832 Permohonan Mendapatkan Jaminan Mahkamah Bagi Waran Tangkap Dari Negeri Lain
- 840 **PROSIDING RAYUAN JENAYAH / PELBAGAI**
- 841 Permohonan Kebenaran Merayu
  - 842 Permohonan Lanjut Tempoh Pemfailan Notis Rayuan
  - 843 Permohonan Semakan Kehakiman
  - 844 Permohonan Lanjut Tempoh Pemfailan Semakan

## KLASIFIKASI KOD STATUS KES MAL

Kod Status Kes	Perkara
	<b>PROSIDING PRA PERBICARAAN</b>
.01	Permohonan Saman Gantian
.02	Permohonan Penyampaian Saman Luar Bidang Kuasa
.03	Permohonan Bantahan Awal
.04	Permohonan Penzahiran Dokumen
.05	Permohonan Pindaan Pliding
.06	Permohonan Mencelah
.07	Permohonan Percantuman Atau Perubahan Pihak-Pihak
.08	Permohonan Kemasukan Fakta Baru
.09	Permohonan Penukaran Hakim
.10	Permohonan Pemindahan Prosiding
.11	Permohonan Perintah Bersaling
.12	Permohonan Untuk Mendapatkan Perintah Pengemukaan Seseorang Yang Di Dalam Penjara
.13	Permohonan Perintah Takharuj (Faraid)
.14	Permohonan Penjaga Ad-Litem (Kes Induk Telah Didaftar)
.15	Permohonan Pemecatan Penjaga Ad-Litem
.16	Permohonan Untuk Mendapatkan Perintah Pengambilan Sampel
.17	Permohonan Untuk Perintah Penjualan Harta Mudah Musnah
.18	Permohonan Notis Merekodkan Keterangan Sebelum Pendengaran
.19	Permohonan Notis Merekodkan Keterangan Di Mahkamah Lain
.20	Permohonan Perintah Interim Hadhanah (Kes Induk Telah Difailkan)
.21	Permohonan Perintah Nafkah Sementara (Kes Induk Telah Difailkan)
.22	Permohonan Perintah Injunksi Terhadap Gangguan (Kes Induk Telah Difailkan)
.23	Notis Penarikan Balik Kes.
.24	Permintaan Bagi Pengeluaran Sapina

.25	Permohonan Mendapatkan Pendapat Mahkamah
.40	
	<b>PROSIDING PRA / PASCA PENGHAKIMAN / PERINTAH MAL</b>
.41	Permohonan Penggantungan Pelaksanaan Perintah Sementara Menanti Rayuan
.42	Permohonan Penetapan Kos
.43	Permohonan Menghidupkan Semula Kes Yang Dibuang
.44	Permohonan Kebenaran Memulakan Prosiding Baru Bagi Kes-Kes Yang Ditarik Balik
.45	Hakam
.46	Saman Interplider
.60	
	<b>PROSIDING RAYUAN MAL</b>
.61	Permohonan Lanjut Tempoh Penyerahan Notis Rayuan
.62	Notis Rayuan Balas
.63	Permohonan Lanjut Tempoh Pemfailan Notis Rayuan Balas
.64	Permohonan Lanjut Tempoh Penyerahan Notis Rayuan Balas
.65	Permohonan Lanjut Tempoh Pemfailan Alasan Rayuan
.66	Permohonan Lanjut Tempoh Pemfailan Rekod Rayuan
.67	Permohonan Lanjut Tempoh Penyerahan Rekod Rayuan
.68	Permohonan Meminda Pliding Rayuan
.80	
	<b>PEGUAM SYARIE</b>
.81	Wakalah Peguam Syarie
.82	Notis Penukaran Peguam Syarie
.83	Notis Pelepasan Peguam Syarie



### KLASIFIKASI KOD STATUS KES JENAYAH

KOD STATUS KES	PERKARA
	<b>PERMOHONAN SEMASA PERBICARAAN</b>
.01	Permohonan Mendapatkan Waran Tangkap Orang Kena Tuduh Oleh Penguatkuasa / Pendakwa
.02	Permohonan Mendapatkan Waran Geledah Orang Kena Tuduh Oleh Penguatkuasa.
.03	Permohonan Melepaskan Diri Sebagai Penjamin
.04	Permohonan Notis Pembelaan Alibi
.05	Permohonan Perintah Bersaling
.06	Permohonan Penukaran Hakim
.07	Permohonan Pemindahan Prosiding
.08	Permintaan Bagi Pengeluaran Sapina
.09	Permohonan Bantahan Awal
.10	Permohonan Penzahiran Dokumen
.11	Permohonan Untuk Mendapatkan Perintah Pengemukaan Seseorang Yang Di Dalam Penjara
.30	
	<b>PROSIDING PRA / PASCA PENGHAKIMAN / PERINTAH JENAYAH</b>
.31	Permohonan Menghidupkan Semula Kes Dilepas Tanpa Bebas
.32	Permohonan Penggantungan Pelaksanaan Hukuman
.33	Permohonan Pelaksanaan Hukuman Mahkamah
.34	Permohonan Pelupusan Barang Kes
.35	Permohonan Mendapatkan Salinan Prosiding
.50	
	<b>PROSIDING RAYUAN JENAYAH</b>
.51	Permohonan Lanjut Tempoh Pemfailan Petisyen Rayuan
.52	Permohonan Pindaan Pliding Rayuan
.80	
	<b>PEGUAM SYARIE</b>

.81	Wakalah Peguam Syarie
.82	Notis Penukaran Peguam Syarie
.83	Notis Pelepasan Peguam Syarie

## KOD KES RAYUAN BAGI KES MAL &amp; JENAYAH

KOD RAYUAN	PERKARA
.AA	Kes Rayuan Khas (Setelah mendapat perkenan Raja / Sultan / Yang Dipertuan Besar / Tuan Yang Terutama)(Kes Jenayah Sahaja)
.A1	Notis Rayuan Peringkat 1 (Kes induk bermula di MRS dirayu ke MTS atau kes induk bermula di MTS dirayu ke Mahkamah yang lebih tinggi)
.A2	Notis Rayuan Peringkat 2 (Kes Rayuan di MTS dirayu ke MRyS atau keputusan kes di MRyS dirayu ke Mahkamah lebih tinggi.
.A3	Notis Rayuan Peringkat 3 (Akan diwujudkan berdasarkan peringkat Mahkamah)
.A4	Notis Rayuan Peringkat 4 (Akan diwujudkan berdasarkan peringkat Mahkamah)
.A5	Rayuan Dalam Kamar (Bagi Kes MAL sahaja)

## KOD KES SEMAKAN BAGI KES MAL &amp; JENAYAH

KOD KES SEMAKAN	PERKARA
.R1	Semakan Oleh Hakim Bicara
.R2	Semakan Oleh Mahkamah Lebih Tinggi
.R3	Permohonan Semakan Oleh Ketua Pendakwa Syarie
.R4	Permohonan Semakan Oleh Pihak-Pihak (Plantif / Defendan / OKT / Pihak Berkepentingan)

## KLASIFIKASI KOD SULH

KOD SULH	PERKARA
.S1	Majlis Sulh (S1 = Bilik Sulh Satu)
.S2	Majlis Sulh (S2 = Bilik Sulh Dua)
.S3	Majlis Sulh (S3 = Bilik Sulh Tiga)
.S4	Majlis Sulh (S4 = Bilik Sulh Empat)
.S5	Majlis Sulh (S5 = Bilik Sulh Lima)
.S6	Majlis Sulh (S6 = Bilik Sulh Enam)
.S7	Majlis Sulh (S7 = Bilik Sulh Tujuh)
.SS	Majlis Sulh (SS = Kes Sulh Semula)

XXX.S3      XXX.S4      XXX.SS      Majlis Sulh (SS = Kes Sulh Semula)

Nota:

**KLASIFIKASI KOD BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)**

Penggunaan Kod Kes BSK baru pula terbahagi kepada tiga (3) cara mengikut unit masing-masing sebagaimana berikut:

a) Unit Khidmat Nasihat Perundangan BSK (UKNP)

**Kes UKNP: 2001-10251-B101-0001**

Huraian:

20	=	Tahun 2020
01	=	Bulan Januari
10	=	Negeri Selangor
251	=	Tuntutan Nafkah Anak
B101	=	Pegawai BSK 1 di UKNP
0001	=	Bilangan Kes (running number) bagi kes B101 pada tahun semasa

b) Unit Pengurusan Dana (UPD)

**Kes UPD: 2001-10251-B2-0001**

Huraian:

20	=	Tahun 2020
01	=	Bulan Januari
10	=	Negeri Selangor
251	=	Tuntutan Nafkah Anak
B2	=	Unit Pengurusan Dana BSK
0001	=	Bilangan Kes (running number) bagi kes B101 pada tahun semasa

c) Unit Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah (UPPP)

**Kes UPPP: 2001-10-25116-B302-0001.A1**

Huraian:

20	=	Tahun 2020
01	=	Bulan Januari
10	=	Negeri Selangor
251	=	Tuntutan Nafkah Anak
16	=	Saman Penghutang Kehakiman
B302	=	Pegawai BSK 2 di UPPP
0001	=	Bilangan Kes (running number) bagi kes B302 pada tahun semasa
.A1	=	Kes Rayuan

- B1 Unit Khidmat Nasihat Perundangan BSK (UKNP)
- B2 Unit Pengurusan Dana (UPD)
- B3 Unit Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah (UPPP)

**KOD KES NAZIRAN (JKSM)**

Kod ini digunakan di JKSM sahaja bagi menguruskan fail fungsian kes naziran. Format penggunaan kod adalah “ 2001-XXYY-ZZZ-0001”

Contoh penggunaan : **2018-XXYY-ZZZ-0001**

Huraian:

- XX kod negeri yang membuat aduan kepada JKSM berlakunya pertindihan kes
- YY Kod negeri yang di adu
- ZZZ Kod kes yang didaftarkan di JKSN yang membuat aduan
- 001 bilangan kes naziran pertindihan kes yang didaftarkan pada tahun semasa
- 20 Tahun semasa (2020)
- 01 Bulan semasa (Januari)



